

Headline	112 usahawan tani terima wang ihsan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	16 Feb 2017	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	496 cm <sup>2</sup>
Journalist	JIKU JUGUONG	AdValue	RM 2,542
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,625



# 112 usahawan tani terima wang ihsan

JIKU JUGUONG

**MARUDI** : Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.76 Marudi, Datu Dr. Penguang anak Manggil mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Marudi/Miri kerana berjaya mengumpul usahawan tani di kawasan DUN Marudi untuk menerima wang ihsan tabung bencana agromakanan.

Majlis penyerahan cek tersebut disempurnakan di bilik seminar dewan suarah Marudi hari ini dan setiap keluarga yang terlibat banjir diberi bantuan sebanyak RM1,000.

Bantuan wang ihsan berkenaan diperuntukkan Kerajaan Pusat melalui Jabatan Pertanian /Fama dan disalurkan kepada 112 usahawan tani daripada 11 kampung di DUN Marudi ekoran kejadian bencana banjir yang berlaku pada penghujung tahun 2014 dan awal tahun 2015.

Kampung yang terlibat menerima wang ihsan tabung bencana agromakanan ialah Kampung Padang Kerbau Marudi, Kampung Dagang Marudi, Lubok Tapang Marudi, Rh. Chabop Lubok Amam, Rh. Ubie, Sg. Ridan Marudi, Rh. Ricky Sg. Lait Marudi, Rh. Jamu Sg. Seridan Tinjar, Long Maro Tinjar, Rh. Eddie, Sg. Peking, Lubok Kulat Tinjar dan Kampung Benewa Marudi.

Sehubungan itu Penguang merangkap Menteri Muda Kerajaan Tempatan berkata ini menunjukkan bahawa jabatan-jabatan kerajaan di Marudi termasuk pegawai daerah diketuai Mackos Sibong telah memberi kerjasama baik untuk mengutip segala data dan maklumat berkenaan penduduk di N.76 Marudi yang terlibat dalam bencana banjir.

"Bantuan ini bukan pampasan yang mana wang ihsan tersebut diberi untuk keluarga atau penduduk yang terlibat bajir pada penghujung tahun 2014 dan awal 2015 yang mengakibatkan tanaman mereka seperti sayur-syuaran musnah ekoran banjir pada masa itu," katanya berucap di majlis penyampaian wang ihsan tabung bencana agormakanan.

Jelasnya meskipun bantuan ini tidak banyak namun sedikit sebanyak dapat membantu meringankan bebanan mangsa banjir.

Tegasnya banjir berlaku setiap tahun dan beliau mohon maaf kerana tidak dapat melawat di setiap kawasan yang dilanda banjir terutama di kawasan DUN Marudi atas masalah pengakutan dan kekakangan masa.

Bagaimanapun jelasnya beliau telah menghantar wakil untuk melakukan pemantauan banjir diketuai Mackos Sibong selaku pegawai daerah di sini dan ahli jawatankuasa bencana alam dan dibantu pegawai daerah Beluru serta jabatan Pertahanan Awam, Bomba, PDRM dan jabatan-jabatan lain untuk mengantar bantuan makanan.

"Saya nasihatkan kepada ketua-ketua kampung supaya memberi laporan tepat kepada pejabat daerah jika berlaku banjir dan saya berharap apabila membuat laporan, pastikan laporan itu tepat sebab pernah berlaku yang diberi bantuan itu bukannya mangsa banjir," katanya.

Sehubungan itu Penguang menyeru kepada penduduk di kawasannya agar dapat memberi kerjasama dengan beliau demi meneruskan agenda pembangunan dam sambil itu berharap mangsa banjir yang menerima bantuan wang ihsan berkenaan dapat membelanjakan dengan sebaik mungkin.

Turut hadir Pegawai Pertanian Bahagian Miri, Penolong Pegawai Tadbir Albania Linus, Pegawai Daerah Marudi Mackos Sibong, Pengerusi Majlis Daerah Marudi (MDM) Kaunselor Edward Mendai, Pegawai Penerangan Marudi Joseph James, Setiausaha Majlis Daerah Marudi Petrick Linggi anak Taboh, wakil Jabatan Pertahanan Awam Miri, Puan Siti Naquiah Abdullah, Pemanca Chong Chin Hui dan Ketua Kampung Pemedahan Haji Izhar Haji Taha.



**SIMBOLIK...** Datu Dr. Penguang anak Manggil menyampaikan bantuan wang ihsan tabung bencana agromakanan kepada wakil kampung Benewa Marudi.

Headline	112 usahawan tani terima wang ihsan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	16 Feb 2017	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	496 cm <sup>2</sup>
Journalist	JIKU JUGUONG	AdValue	RM 2,542
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,625



**DIBANTU...** Datu Dr. Penguang bergambar bersama usahawan tani di kawasan DUN Marudi yang menerima bantuan wang ihsan.